



**“PROGRAM SANTAI AGRO MADANI PENUAIAN PADI
PROJEK SMART SAWAH BERKALA BESAR (SMART SBB) MINI SEKINCHAN MADA KG. LAT 1000”**

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengaplikasi model dan amalan pertanian baik di Kawasan Muda melalui pelaksanaan Projek Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Mini Sekinchan MADA sebagai tanda inisiatif kerajaan dalam melonjakan pembangunan industri padi dan beras negara ke tahap yang lebih baik serta mampu mengurangkan kebergantungan kepada beras import.
2. Projek ini dilaksanakan selama dua musim iaitu pada musim 1/2023 dan musim 2/2023 dengan jumlah keluasan seluas 172.968 hektar iaitu 97.70 hektar di Kampung Lat 1000, Simpang Empat Perlis terdiri daripada 28 orang peserta dan 75.268 hektar di Kampung Tok Mengkula, Ayer Hitam Kedah terdiri daripada 51 orang peserta menjadikan jumlah keseluruhan peserta adalah 79 orang.
3. Projek Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Mini Sekinchan MADA akan menerapkan amalan pertanian berhasil tinggi dengan mempraktikkan *Knowledge*, *Attitude* dan *Practice* yang diamalkan oleh pesawah di Kawasan penanaman padi Sekinchan, Selangor.
4. Selain MADA, agensi seperti Bahagian Pembangunan Industri Padi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), IADA Barat Laut Selangor dan Syarikat PLS Marketing juga terlibat dalam menjalankan dan menjayakan Projek Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Mini Sekinchan MADA ini.
5. Sempena Program Santai Agro MADANI, Yang Berhormat Datuk Seri Mohammad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menyempurnakan sesi penuaian padi Projek Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Mini Sekinchan MADA bertempat di Kampung Lat 1000, Simpang Empat, Perlis.
6. YB Datuk Seri Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan berkata, pihak MADA akan meneruskan projek SMART SBB ini di Kawasan MADA Wilayah II, Jitra iaitu Kampung Tok Mengkula, Ayer Hitam Kedah, Kawasan MADA Wilayah III, Pendang iaitu Projek PPSB Gulau dan Kawasan MADA Wilayah IV, Kampung Tok Jering.
7. Adalah menjadi harapan MADA agar Projek Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Mini Sekinchan MADA ini dijangkakan dapat membantu dalam meningkatkan hasil tanaman padi peserta projek kearah 8.00 m/tan dan sekaligus dijangka mampu meningkatkan 80% keperluan SSL beras negara menjelang tahun 2030. Perancangan ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan di dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) untuk meningkatkan tahap pendapatan pengeluaran makanan serta tahap sara diri (SSL) beras negara daripada 63% kepada 75% dalam tempoh RMKe-12 dan 80% pada tahun 2030 sekaligus ianya menepati konsep pembangunan Malaysia Madani iaitu Kemampanan dan Kesejahteraan.

Dikeluarkan Oleh :

Cawangan Komunikasi Korporat

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

21 Ogos 2023